

Elak sengketa politik sempena bulan Rejab

Hentikan sengketa politik kerana pilihan raya umum sudah berlalu dan kini kita berada pada Rejab yang mulia. Ketibaan Rejab haruslah dimanfaatkan dengan sebaiknya kerana seperti sedia maklum, Allah memberi ganjaran pahala berlipat kali ganda pada bulan ini.

Rejab adalah kunci kebaikan dan ibadah. Abu Bakar Al-Warraaq al-Balkhi berkata: "Rejab bulan menanam pokok. Syaaban bulan menyiram pokok. Dan Ramadan bulan menuai buahnya."

Rejab tergolong satu daripada al-Asyharul Hurum, bulan penuh kehormatan dan kemuliaan, iaitu Zulkaedah, Zulhijah, Muharam dan Rejab.

"Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati (arba'atun hurum). Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiayai diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya)..." (Surah At-Taubah: ayat 36)

Doa dimakbulkan

Antara kemuliaan yang ada dalam bulan Rejab ialah Allah memakbulkan doa hamba-Nya, terutama pada malam pertama bulan ini. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Lima malam, tidak akan ditolak doa-doa di dalamnya: awal malam bulan Rejab, malam nisfu Syaaban, malam Jumaat, Malam Aidilfitri dan malam Aiduladha". (Hadis riwayat Ibnu 'Asakir).

Kita perlu memanfaatkan bulan ini untuk kebaikan. Elakkan sengketa ummah kerana politik boleh menghancurkan jika kita leka. Tidak kira apa pun fahaman politik, kita harus hormati Rejab yang mulia.

Norhamizah Mohamad Yunus,
Universiti Sains Islam Malaysia.